

KKM beri kuasa kepada 189 pegawai penguat kuasa

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberi kuasa kepada 189 pegawai penguat kuasa seperti polis bantuan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi lain di bawah Seksyen 3 Akta Makanan 1983 atau Akta 281 bagi memastikan pematuhan orang ramai terhadap larangan merokok di tempat yang tidak dibenarkan.

Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni berkata, proses itu akan diteruskan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) selain pemerkasaan masyarakat melalui penglibatan badan bukan kerajaan (NGO), badan profesional dan lain-lain.

"Sehingga kini, terdapat 189 pegawai penguat kuasa dan polis bantuan iaitu 95 penguat kuasa daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), 77 polis bantuan daripada Kumpulan Sunway dan 17 polis bantuan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sungai Buloh telah diturunkan kuasa bagi memastikan pematuhan orang ramai," katanya. - *Bernama*